

06/11/1997

Kementerian perlu lebih bertanggungjawab

MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh mungkin belum mendapat gambaran sebenar mengenai negeri yang tidak memberi sambutan bagi kempen menanam pokok. Merujuk kepada kenyataannya kelmarin, beliau mengakui belum menerima laporan daripada beberapa negeri mengenai jumlah pokok yang sudah ditanam di negeri-negeri tertentu sejak kempen itu dilancarkan awal tahun ini. Oleh itu, menyatakan perasaan tidak puas hati sebelum mengetahui kedudukan sebenar jumlah pokok yang sudah ditanam di semua negeri, ditujukan kepada kerajaan negeri yang belum mengemukakan laporan kepadanya. Bagi kerajaan negeri pula, kemungkinan besar kerja menanam pokok bukanlah menjadi keutamaan mereka. Disebabkan setiap kerajaan negeri mempunyai senarai tugas yang panjang, kempen menanam pokok, mungkin tidak terletak dalam senarai keutamaan. Keadaan ini berlaku meskipun setiap kerajaan negeri mengakui pentingnya projek penghijauan bumi dan langkah menghadapi kesan pencemaran alam sekitar.

Kita berpendapat, untuk mengumpul maklumat jumlah pokok yang ditanam di sesebuah negeri adalah perkara mustahil. Begitu juga untuk mengetahui jumlah pokok yang ditebang kerana ia berlaku hampir setiap hari. Kita percaya sasaran menanam 750,000 batang pokok setahun ditujukan kepada pihak berkuasa tempatan, majlis perbandaran, majlis daerah dan sebagainya. Pokok yang ditanam sendiri oleh rakyat atau pokok yang tumbuh liar, tidak termasuk dalam sasaran ini. Hanya merekalah yang dapat mengetahui jumlah dan jenis pokok yang ditanam di sepanjang jalan atau kawasan perumahan. Jika lewat memberi maklumat kepada negeri, lewatlah kerajaan negeri menyerahkannya kepada kementerian. Dalam hal ini kita boleh menyalahkan kerajaan negeri kerana tidak bertindak tegas terhadap pihak yang sepatutnya menyerahkan maklumat kepadanya. Hingga Oktober, daripada perangkaan negeri yang sudah menghantar laporan, hanya 153,000 batang pokok atau 20.5 peratus yang ditanam. Bagi beberapa negeri lain pula, kita percaya kerja menanam pokok memang ada dijalankan, cuma mereka belum memberi maklumat kepada kementerian.

Walaupun kempen itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kegagalan nyata yang dapat dinilai ialah kurangnya tindakan susulan. Pihak yang sepatutnya melaksanakan tugas susulan ini seharusnya turut dipersalahkan. Walaupun kita akui ada majlis penerangan mengenainya dijalankan dari semasa ke semasa, ia tidak dianggap sebagai projek keutamaan. Ini mungkin disebabkan negara kita mempunyai banyak lagi agenda penting yang harus diselesaikan. Oleh itu, bukanlah tugas Dr Mahathir untuk mengikuti perkembangannya dari semasa ke semasa. Jika Dr Ting ditugaskan untuk menyelaraskan kerja itu, beliau seharusnya mendapatkan maklumat terperinci terlebih dahulu sebelum menilai kejayaan atau kegagalan kempen itu. Kerajaan-kerajaan negeri berkenaan mungkin menghadapi masalah untuk mengumpul maklumat terbaru sebelum menyerahkannya kepada kementerian. Jika Kementerian langsung tidak menghubungi kerajaan negeri, kementerian itu juga boleh dianggap tidak berminat untuk menjayakan kempen itu. Sebaliknya, jika semua kerajaan negeri sudah dihubungi dan masih enggan mematuhi, kementerian bolehlah membangkitkan perkara itu ke pihak lebih tinggi.

Kita lihat wujud kecenderungan membincangkan perkara yang seharusnya diselesaikan di peringkat kementerian, dibawa hingga ke Kabinet. Sebagai sebuah badan membincangkan soal dasar negara, rasanya tidak wajar perkara sebegini dibebankan kepada Kabinet. Apa yang kita bimbangkan ialah setelah

ia menjadi keputusan Kabinet, kegagalannya akan menjejaskan kewibawaan Kabinet. Lagi pun, apabila Kabinet membincangkan soal yang tidak membabitkan dasar, ia hanya meletakkan sidang Kabinet setaraf dengan mesyuarat lain. Perkara ini seharusnya dielakkan. Oleh itu, setiap menteri yang bertanggungjawab seharusnya dapat menggariskan sempadan mengenai perkara yang wajar dibangkitkan di Kabinet atau menyelesaikannya sendiri. Jika perkara seperti itu hendak dibangkitkan juga, ia hanyalah dalam bentuk seimbans lalu, sekadar pemberitahuan maklumat, bukan meminta Kabinet membuat keputusan bagi pihak kementerian. Kita tidak mahu kementerian mengambil sikap lepas tangan. Selepas perkara itu diserahkan kepada Kabinet, kementerian boleh melepaskan tanggungjawabnya. Atau, kementerian akan menggunakan nama Kabinet untuk memudahkan mereka menjalankan tugas.

Pada kita Kabinet mempunyai agenda lebih besar yang harus dibincang dan diputuskan. Kementerian lah sepatutnya menyelesaikan segala masalah yang ditugaskan kepadanya dengan kuasa yang diberikan kepadanya.

(END)